


# Penjujukan genom secara konsortium bulan depan

Oleh [Latifah Arifin dan Suhael Adnan](#) - Jun 30, 2021 @ 7:03pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) dijangka memulakan penjujukan genom bagi varian COVID-19 secara konsortium dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), universiti dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) pada Julai ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata langkah itu antara usaha bagi mengawal penularan pantas varian membimbangkan (VOC) dan varian mempunyai kepentingan (VOI) di negara ini.

"Penjujukan genom akan dibuat bermula Julai secara konsortium, berbanding (secara berasingan) membabitkan beberapa institusi sebelum ini.

"KKM juga menyasarkan untuk melaksanakan pengawasan genom melalui konsortium ini dalam tempoh tiga bulan akan datang," katanya ketika dihubungi BH, hari ini.

Menurut Dr Adham, melalui konsortium itu, usaha bagi mengenal pasti dengan lebih jelas kedudukan VOC dan VOI serta tindakan selanjut untuk menanganinya dapat dilaksanakan.

Genom ialah bahan baka keseluruhan semua organisme hidup dan bolehlah dilihat sebagai gedung genetik menyimpan maklumat mengenai protein yang akan dihasilkan organisme untuk hidup.

Walaupun tidaklah dianggap sesuatu yang hidup, virus juga mempunyai genom. Nama rasmi virus yang menyebabkan penyakit COVID-19 ialah SARS-CoV-2.

SARS-CoV-2 mempunyai genom terdiri daripada bahan kimia dinamakan RNA. Ia hampir sama dengan bahan kimia yang kita kenali sebagai DNA yang menjadi bahan baka kebanyakan organisme hidup termasuk manusia.

Terdahulu, dalam sidang media mingguan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF), hari ini, Dr Adham berkata, setakat 26 Jun lalu, secara keseluruhannya sebanyak 1,355 jujukan genom dilaksanakan oleh pelbagai institusi.

Universiti mencatatkan jujukan genom tertinggi iaitu 653, diikuti 557 oleh IMR dan 30 lagi dilaksanakan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK), Sungai Buloh.

"Terdapat 22 kes varian Delta VOC di Malaysia dan angka ini bertambah bila mana kita buat lebih banyak jujukan genom," katanya.

Dr Adham berkata, ketika ini, kes Delta VOC dikesan di lapan negeri, sembilan daripadanya membabitkan kes import, dan 13 lagi kes tempatan.

"Disebabkan itu, langkah waspada dilakukan iaitu individu yang masuk ke negara kita perlu dikuarantin sekurang-kurangnya 14 hari manakala bagi warganegara kita yang balik dari lima negara, termasuk India, Nepal, Sri Lanka, Bangladesh dan Pakistan perlu dikuarantin selama 21 hari," katanya.